

GARIS PANDUAN PENCALONAN ANUGERAH MAAL HIJRAH 1439H / 2017M

1. Kategori Anugerah Maal Hijrah 1439H/2017M Peringkat Negeri Pulau Pinang:
 - i. Anugerah Tokoh Maal Hijrah
 - ii. Anugerah Ibu Mithali
 - iii. Anugerah Bapa Mithali
 - iv. Anugerah Saudara Mithali
 - v. Anugerah Pendakwah Negeri
2. Calon mestilah warganegara Malaysia, berasal dari Pulau Pinang atau pernah berkhimat / menyumbang di Pulau Pinang dan terbuka kepada semua peringkat agama.
3. Setiap calon hendaklah memenuhi kriteria berikut :

Kriteria umum

 - i. Tugas / sumbangan yang mencabar atau berisiko tinggi atau inovatif ;dan / atau
 - ii. Tugas dan / atau sumbangan yang memberi kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat dan Negeri; atau
 - iii. Mempunyai akhlak, personaliti dan penampilan peribadi unggul serta boleh dijadikan tauladan dalam masyarakat; atau
 - iv. Ketokohan dan kewibawaannya mendapat pengiktirafan sama ada di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa.

Kriteria Khusus

 - i. Tempoh perkhidmatan atau sumbangan.
 - ii. Kualiti peribadi / akhlak.
 - iii. Rekod atau peristiwa yang mencabar.
 - iv. Anugerah lain yang pernah diterima (jika ada).
 - v. **Anugerah Ibu Mithali** : Sumbangan dalam kejayaan mendidik anak-anak menerusi institusi kekeluargaan. Keutamaan kepada yang mempunyai 5 orang anak dan ke atas.
 - vi. **Anugerah Bapa Mithali** : Sumbangan dalam kejayaan mendidik anak-anak menerusi institusi kekeluargaan. Keutamaan kepada yang mempunyai 5 orang anak dan ke atas.
 - vii. **Anugerah Saudara Mithali** : Sumbangan dalam pendidikan/ kemasyarakatan dan sebagainya (**Calon terdiri daripada golongan Muallaf**)
 - viii. **Anugerah Pendakwah Negeri** : Sumbangan dalam bidang dakwah termasuk peringkat Negeri / Negara / Antarabangsa
4. Setiap agensi boleh mengemukakan lebih daripada seorang calon sama ada lelaki atau wanita bagi setiap kategori.
5. Pencalonan mestilah menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah sampai ke **Setiausaha JK Pemilihan Anugerah Maal Hijrah 1439H** sebelum atau pada **21 Ogos 2017 (Isnin)** di alamat: Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Leboh Downing, 10300 George Town, Pulau Pinang.
6. Borang yang tidak lengkap tidak akan diberi pertimbangan.
7. Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.
8. Hanya calon yang berjaya akan dihubungi oleh pihak Urus setia.
9. Segala perbelanjaan perjalanan dan sebagainya adalah tanggungan sendiri.
10. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urus Setia Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Maal Hijrah 1439H/2017M (Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang) di talian 04-2637200 / 04 2626816 / 019-4587575 (Ustaz Abdul Rashid bin Abd Jalil / Pn. Salmah bt Ahmad)